

Kadar pengangguran di Selangor kedua terendah

SHAH ALAM - Kadar pengangguran di Selangor adalah kedua terendah di Malaysia, iaitu sebanyak 2.9 peratus pada suku keempat tahun 2021.

Exco Pembangunan Generasi Belia, Sukan dan Insan Selangor, Mohd Khairuddin

Othman berkata, kedudukan itu didahului oleh Putrajaya yang mencatat kadar pengangguran terendah iaitu sebanyak 1.6 peratus.

Menurutnya, kadar pengangguran di Selangor menurun sebanyak 0.7 peratus daripada 3.6 peratus pada suku ketiga tahun lalu.

“Bilangan penganggur di Selangor pada suku tahun keempat direkodkan seramai 105,300 orang, berkurangan 26,700 berbanding 132,000 orang yang dicatatkan pada suku tahun ketiga.

“Manakala, kadar pengangguran di Selangor pada suku keempat pada tahun 2021 adalah 2.9 peratus, turun 0.7 peratus berbanding 3.6 peratus pada suku sebelumnya.

“Kadar pengangguran



MOHD KHAIRUDDIN

Selangor menunjukkan antara kadar terendah antara negeri-negeri lain,” katanya ketika Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor di sini pada Selasa.

Dalam pada itu, Mohd Khairuddin berkata, Program Jelajah Selangor

Bekerja yang dianjurkan oleh pihaknya turut mendapat sambutan menggalakkan berikutan kadar kehilangan pekerjaan tinggi akibat pandemik Covid-19.

Ujarnya, seramai 716 daripada 2,671 calon berjaya mendapat pekerjaan setelah menghadiri temu duga dalam program tersebut.

“Program Jelajah Selangor Bekerja adalah inisiatif kerajaan negeri untuk menyediakan platform kepada masyarakat mendapatkan pekerjaan bagi mengatasi kadar pengangguran di Selangor.

“Sebanyak enam Jelajah Selangor Bekerja 2021 dianjurkan di lima lokasi iaitu Shah Alam, Kuala Selangor, Kuala Kubu Bharu, Hulu Langat dan Sungai Buloh,” katanya.